

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : BANGUNAN BARU MDKL

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan Selangor telah meluluskan pinjaman sebanyak RM40juta kepada MDKL untuk membiayai pembinaan bangunan barunya. Apa status kemajuan pembinaan ini dan sekiranya berlaku kelewatan, apakah puncanya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Selangor telah meluluskan pinjaman sebanyak Rm15 Juta kepada MDKL untuk membiayai pembinaan bangunan baru tersebut dan kos pembinaan selebihnya adalah dibawah tanggungan MDKL sendiri.

Status semasa pembinaan bangunan ini mengalami sedikit kelewatan berbanding yang telah dijadualkan kerana mengalami masalah cerucuk patah dan bergerak akibat pengurusan tapak bina oleh kontraktor yang agak lemah.

Perunding dan kontraktor sedang bertungkus lumus untuk menyelesaikan cerucuk yang rosak. Beberapa cadangan penyelesaian telah dikemukakan oleh kontraktor dan sedang diulas lanjut oleh pihak perunding. Dijangka projek akan berjalan lancar selepas isu cerucuk ini selesai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : DENGGI

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa jenis sistem pencegahan yang digunakan di Selangor untuk membasmi nyamuk Aedes?
- b) Apa jenis bahan kimia yang digunakan untuk "fogging" dan apa kesannya kepada alam semulajadi?
- c) Adakah Kerajaan Negeri sedang mengkaji sistem yang lebih berkesan untuk membanteras nyamuk Aedes?

JAWAPAN:

Soalan berkaitan denggi akan dijawab bersekali termasuk soalan no 35 daripada Yang Berhormat Sungai Pelek, soalan 135 daripada Yang Berhormat Subang Jaya, dan soalan 271 daripada Yang Berhormat Kuala Kubu Baru.

- a) Langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi bagi menghapuskan nyamuk Aedes yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti berikut:

1. Langkah-langkah kawalan

- i. Pemantauan kes yang dilaporkan secara harian di peringkat daerah, negeri dan ibu pejabat;
- ii. Melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan keatas setiap kes yang dilaporkan seperti Pemusnahan Tempat Pemiakan Aedes, Semburan Racun Termal untuk nyamuk dewasa (*fogging dan ULV*) dan Semburan Racun untuk membunuh larva (*Larvaciding*);
- iii. Melaksanakan aktiviti Pendidikan Kesihatan kepada komuniti terlibat – Ceramah, Perbincangan Kumpulan Kecil, Tunjuk Cara, Nasihat Individu, Hebahan Awam, Risalah, Poster dan Media Luar;

- iv. Menggerakkan komuniti melaksanakan aktiviti gotong-royong untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes; dan
- v. Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

2. Langkah-langkah pencegahan

- i. Pemantauan indeks pembiakan Aedes di kawasan berisiko tinggi denggi dan kawasan tumpuan awam;
 - ii. Melaksanakan aktiviti Penghapusan Tempat Pembiakan Aedes kawasan berisiko tinggi denggi dan kawasan tumpuan awam;
 - iii. Melaksanakan Semburan Kabus (*fogging*) pencegahan di kawasan yang mempunyai indeks pembiakan Aedes yang tinggi;
 - iv. Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975; dan
 - v. Melaksanakan aktiviti Pendidikan Kesihatan kepada komuniti setempat.
- b) Racun serangga yang digunakan perlu didaftarkan terlebih dahulu oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP), Kementerian Pertanian Malaysia. Racun serangga tersebut perlu mematuhi kehendak kesihatan awam dan penjagaan alam sekitar. Dua kelas racun serangga yang digunakan ialah *Organofosfat* dan *Sintetik Piretroid*. Bagi memastikan pekerja – pekerja fogging sentiasa sihat dan selamat mereka perlu mematuhi Akta Racun Serangga Perosak, 1974. Operator menjalankan semburan perlu di latih dan kompeten. Mereka perlu menggunakan kelengkapan pelindung diri. Sebelum aktiviti semburan termal (*fogging*) dilakukan hebahan awam untuk penduduk supaya mengambil langkah – langkah pencegahan seperti menutup minuman, makanan, membawa haiwan peliharaan keluar daripada kawasan semburan. Panduan penggunaan racun serangga juga dilakukan supaya ia disimpan, digunakan dan dilupuskan dengan betul.
- c) Kerajaan Negeri Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri akan menggunakan tambahan strategi baru dalam kawalan dan pencegahan denggi iaitu;
- i) Kawalan biologi menggunakan Nyamuk Aedes dengan Wolbachia. Wolbachia adalah sejenis mikroorganisme yang hidup secara semulajadi dalam organ-organ pembiakan serangga. Ia wujud dalam kira-kira 60 peratus serangga kecuali nyamuk Aedes Aegypti. Oleh kerana Wolbachia tidak terdapat dalam nyamuk Aedes Aegypti seperti kebanyakan serangga lain, maka suntikan akan dilakukan di dalam makmal sebelum ia dilepaskan ke lapangan. Setelah membiak dalam jangka masa yang tertentu, kebanyakan nyamuk Aedes Aegypti di dalam kawasan itu akan

mengandungi Wolbachia dan tidak mempunyai virus denggi. Negara yang telah menjalankan kawalan rintis ini adalah seperti Indonesia, Singapura, Thailand, China, Brazil dan Australia. Kajian rintis di Malaysia telah dijalankan di 7 lokaliti *Hotspot* di Selangor dan menunjukkan kejayaan penurunan 50-80% kes di lokaliti tersebut. Kawalan biologi ini akan dikembangkan di lokaliti-lokaliti tumpuan lain terutama lokaliti Wabak Tak Terkawal dan Hotspot.

- ii) Satu **Program Selangor Bebas Aedes di Tempat Kerja dan Kuarters** akan dilaksanakan bermula tahun ini. Agensi yang terlibat adalah semua agensi kerajaan samada persekutuan mahupun kerajaan negeri termasuk Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC) dan anak syarikat di bawah kerajaan negeri. Program ini merupakan pemerkasaan anggota kerajaan dalam pengwujudan kawasan bebas Aedes di tempat kerja dan kuarters kerajaan. Ia akan dilancarkan pada bulan April ini dengan beberapa siri pendedahan dan latihan yang diadakan oleh Kerajaan Negeri. Di antara aktiviti utama yang akan dilaksanakan adalah;
- Menjalankan alert kes dan wabak demam denggi oleh Pejabat Kesihatan Daerah kepada jabatan yang terlibat untuk tindakan kawalan dan pencegahan;
 - Menjalankan Pemusnahan Tempat Pembiakan Aedes di tempat kerja secara berkala;
 - Mewujudkan jaringan maklumat berkaitan situasi demam denggi di tempat kerja seperti melalui Whatsapp, Facebook dan lain-lain;
 - Mewujudkan kumpulan sukarelawan denggi menggunakan konsep *Corporate Social Responsibility* (CSR) di kalangan warga tempat kerja bagi membantu lokaliti wabak dan hotspot; dan
 - Menjalankan aktiviti penguatkuasaan di tempat kerja dan kuarters.
- iii) Pihak Jabatan Kesihatan Negeri juga telah melancarkan beberapa siri kempen iaitu yang sedang dilaksanakan adalah **Kempen Selangor Gempur Aedes** Siri 2/2019 selama 6 minggu bermula dari 25.02.19 sehingga 7.04.19 (tempoh 6 minggu) dengan penumpuan aktiviti kepada :
- Memperkukuhkan aktiviti Pemusnahan Tempat Pembiakan Aedes secara berfokus di lokaliti sporadik terpilih;
 - Memperkukuhkan *One Stop Crisis Centre* (OSCC) daerah bagi merancang dan menyelaras aktiviti kawalan denggi bersama agensi lain terutama pihak berkuasa tempatan bagi meningkat dan mengoptimalkan semua sumber di daerah;

- Mengoptima anggota di Pejabat Kesihatan Daerah melibatkan aktiviti Pemusnahan Tempat Pembiakan *Aedes* dan *larvaciding* terutama selepas waktu pejabat, cuti hujung minggu dan kelepasan am;
- Meneruskan aktiviti penguatkuasaan di tempat tumpuan awam yang berisiko kepada punca jangkitan *Aedes*; dan
- Menggalakkan semua lokaliti COMBI menjalankan aktiviti promosi kesihatan rumah ke rumah dan pemusnahan tempat pembiakan denggi pada setiap hujung minggu. Di samping itu juga menggalakkan mobilisasi ahli COMBI ke lokaliti *Hotspot* dan wabak tak terkawal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PERUNTUKAN JKR

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan peruntukan JKR Persekutuan seperti berikut:
- i) Permohonan kepada Persekutuan untuk tahun 2019
 - ii) Permohonan kepada Negeri untuk tahun 2019
 - iii) Permohonan yang telah diluluskan bagi kedua-dua kategori.
 - iv) Sila senaraikan jumlah peruntukan mengikut kerja-kerja/skop-skop tertentu.

JAWAPAN:

a) Peruntukan JKR adalah seperti berikut :-

i. Permohonan peruntukan Jalan Persekutuan ke KKR adalah seperti berikut :

Bil.	PERMOHONAN PERUNTUKAN	KOS (RM)
1.	Penyelenggaraan	415,250,000.00
2.	Pembangunan	70,573,987.10

ii. Permohonan peruntukan Jalan Negeri ke pihak Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) adalah seperti berikut :

Bil.	PERMOHONAN PERUNTUKAN	KOS (RM)
1.	Penyelenggaraan (MARRIS)	231,000,000.00
2.	Pembangunan (Vot P12)	271,695,040.00

iii. Permohonan yang telah diluluskan adalah seperti berikut :

Bil.	Kategori Jalan	Permohonan Diluluskan	Kos (RM)
1.	Jalan Persekutuan	Penyelenggaraan	5,170,000.00 (sehingga Feb 2019)
		Pembangunan	29,426,995.47 (sehingga Feb 2019)
2.	Jalan Negeri	Penyelenggaraan (MARRIS)	196,000,000.00
		Pembangunan (Vot P-12)	194,000,000.00

iv. Jumlah peruntukan mengikut skop adalah seperti berikut :-

Penyelenggaraan Jalan Persekutuan :

Perihal Kerja	Peruntukan Tahun 2019 (RM)	Bil Kerja
Rutin	3,383,343.00	12
Landskap Fasa 1	593,647.48	5
<i>Roadsweeper</i> Fasa 1	422,609.28	2
DUN Semenyih	392,000.00	7
Jambatan	303,000.00	14
Lain-lain	74,407.70	1
JUMLAH	5,169,007.46	41

Penyenggaraan Jalan Negeri :

Bil	Perkara / Jenis Kontrak	Jumlah Peruntukan (RM)
1.	Sebut harga secara Jabatan (9 JKR Daerah)	73,500,000.00
2.	Kontrak Penyelenggaraan Jangka Panjang	68,610,528.96
3.	Sebut harga / Tender Khas	53,889,471.04
JUMLAH		196,000,000.00

Pembangunan Jalan Persekutuan :

Bil	Tajuk Projek	Peruntukan 2019 (RM)
1.	Menaiktaraf Persimpangan FT29/31, Daerah Sepang	15,000,000.00
2.	Mengganti Jambatan Sedia Ada di Sg. Selangor, Daerah Hulu Selangor	188,145.12
3.	Mengganti Jambatan di atas Sg. Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	10,902,483.30
4.	Mengganti Jambatan Sedia Ada di Sg. Chilling, Daerah Hulu Selangor	201,944.90
5.	Mengganti Jambatan Sg. Kerling, Daerah Hulu Selangor	3,134,422.15
JUMLAH KESELURUHAN		29,426,995.47

Pembangunan (Vot P-12) Jalan Negeri :

PECAHAN KEPALA	Peruntukan 2019 (RM)
PK. 1 – Pelbagai Rancangan	3,109,960.00
PK. 2 – Membina Jambatan & Jejantas	9,350,000.00
PK. 3 – Membina Jalan	60,100,000.00
PK. 4 – Menaiktaraf Jalan	116,100,040.00
PK. 5 – Membina & Menaiktaraf Projek Bangunan	5,340,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	194,000,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan dalam memartabatkan Agama Islam melalui pembangunan sekolah agama rakyat di negeri ini?

- b) Senaraikan sekolah agama rakyat dan madrasah atau tahfiz yang berdaftar di bawah DUN Bukit Melawati.

JAWAPAN:

- a) Dalam RMK-11 kerajaan telah memperuntukan **RM12,400,000.00** untuk membantu pembinaan 2 buah sekolah agama rakyat di Negeri Selangor.

- b) Senarai sekolah agama rakyat dan madrasah atau tahfiz yang berdaftar di bawah Dun Bukit Melawati seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A**JUMLAH SEKOLAH MENGIKUT KATEGORI**

KATEGORI SEKOLAH					JUMLAH KESELURUHAN
TASKI	SRI	SMI	TAHFIZ	PONDOK	
4	1	1	8	0	14

TASKI DUN BUKIT MALAWATI : 4

KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH
BZS3001	Taski Al-Ain
BZS3005	Tadika Islam Sri Zafran
BZS3006	Pra Tahfiz Nur Anis
BZS3007	Al- Baghdadi Playtime Centre (Cawangan Saujana Utama)

SRI DUN BUKIT MALAWATI : 1

KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH
BJJ3016	Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (Sriti) Darul Amilin

SMI DUN BUKIT MALAWATI : 1

KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH
BLL3002	Sekolah Menengah Islam Addimyati (Tahfiz & Turath)

TAHFIZ DUN BUKIT MALAWATI : 8

KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH
BZH3013	Akademi Syahadah Tahfiz Al-Faizin (Astaf)
BZH3025	Madrasah Al-Huffaz Wal-Ulum
BZH3026	Maahad Tahfiz Surau At Taufiqiyyah
BZH3027	Madrasah Tahfiz Integrasi Sheikh Izzuddin
BZH3029	Madrasah Al-Huffaz Wal-Ulum Lil Banat
BZH3034	Maahad Tahfiz Arabic Al Gontory Lil Banat
BZH3039	Maahad Tahfiz Darul Umaa'
BZH3040	Akademi Syahadah Tahfiz Al-Faizin (Astaf Wardah 2)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : LAWATAN MBPJ KE LUAR NEGARA

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah lawatan dan kos MBPJ untuk 2018?
- b) Apakah pelaksanaan baru akibat lawatan tersebut?

JAWAPAN:

a)

PBT	BIL. LAWATAN	KOS
MBPJ	23 KALI	RM 1,829,800.00

b)

I. PJ SMART CITY

'Smart, Sustainable and Resilient Petaling Jaya 2030' disediakan mengikut 5 fungsi utama Majlis iaitu 'City Planning & Development', 'City Town Services', 'City Business', 'City Management & Enforcement' dan 'City Community Development'.

- PJ SMART CENTRE
 - Perlambangan Kepada Integrasi Data-Data Majlis
 - Output data utama bersifat digital serta analisis data secara "Auto Generate"
 - Paparan maklumat dan pelaporan pantas serta terkini
 - Kemudahan kepada sistem-sistem majlis
 - Mengawal & Memantau bandar Petaling Jaya dalam aspek pengurusan lalulintas dan keselamatan yang dilengkapi dengan infrastruktur ICT

- PJ CITY BUS
- PJ SCHOOL BUSS
- SMART PJ WASTE SOLUTION LAB

II. SISTER CITY

III. PENANDA ARAS

- 3R Eco-Recycling
- Meningkatkan Mutu Dan Perkhidmatan Kemudahan Sukan.

IV. PJ LEARNING CITY

- Petaling Jaya Dianugerah Sebagai 'Bandar Pembelajaran' Oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains Dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan MARRIS bagi tahun 2019 untuk penyelenggaraan jalan kampung yang telah didaftarkan?
- b) Bagaimanakah penyelenggaraan jalan di atas tanah persendirian yang bersifat laluan awam?

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun 2019, sembilan (9) Pejabat Daerah / Tanah di Negeri Selangor yang merupakan Agensi Pelaksana bertanggung jawab untuk menyelenggara jalan kampung telah disediakan peruntukan MARRIS berjumlah **RM30.0 juta** di mana pecahan peruntukan adalah berdasarkan kelayakan panjang jalan seperti berikut:-

BIL	PEJABAT DAERAH / TANAH	PANJANG JALAN (KM)	PEMBERIAN MENGIKUT PANJANG JALAN (RM)
1.	Petaling	164.22	1,726,260.06
2.	Klang	535.21	4,476,140.22
3.	Hulu Langat	339.46	3,010,269.79
4.	Gombak	345.19	3,061,029.04
5.	Sepang	210.33	1,865,136.24
6.	Kuala Langat	221.03	1,960,048.23
7.	Hulu Selangor	134.43	1,192,061.90
8.	Kuala Selangor	571.81	5,070,701.43
9.	Sabak Bernam	861.36	7,638,353.09
JUMLAH KESELURUHAN		3,383.03	30,000,000.00

Jumlah peruntukan MARRIS tahun 2019 bagi daerah Kuala Langat adalah berjumlah RM1.9 juta. Pejabat ini telahpun menyenaraikan 34 kerja kerja-penyelenggaraan jalan kampung bagi 5 mukim di dalam daerah Kuala Langat. Senarai pembahagian kerja mengikut mukim masing-masing adalah seperti di Lampiran A.

- b) Penyelenggaraan jalan di atas tanah persendirian juga di bawah peruntukan MARRIS dengan syarat laluan persendirian tersebut terlebih dahulu mendapat kebenaran izin lalu oleh tuan tanah untuk kegunaan laluan awam.

Sehingga kini terdapat 711 jalan persendirian yang telah didaftarkan sebagai jalan izin lalu oleh Selia Senggara dan layak untuk mendapat penyelenggaraan di bawah peruntukan MARRIS.

ANGGARAN KOS PROJEK MARRIS 2019

BIL.	TAJUK PROJEK	ANGARAN KOS (RM)	TEMPOH KERJA
MUKIM TANJUNG DUA BELAS DUA			
1	MENURAP SEMULA LORONG SUSUR INTAN KANAN KE BERLIAN KANAN KAMPUNG BUKIT CHANGGANG	54,200.00	4 MINGGU
2	MENURAP SEMULA LORONG SUSUR DARIPADA PARIT BESAR KE JALAN EMAS, KAMPUNG BUKIT CHANGGANG (BENGEKL KERETA)	97,850.00	4 MINGGU
3	MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG SENTOSA 2 KAMPUNG LABOHAN DAGANG	34,050.00	4 MINGGU
4	MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG AMAN 3 SERTA KERJA LAIN BERKAITAN, KAMPUNG LABOHAN DAGANG.	46,290.00	4 MINGGU
5	MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG AMAN 2 SERTA KERJA LAIN BERKAITAN, KAMPUNG LABOHAN DAGANG.	94,320.00	4 MINGGU
6	MENURAP SEMULA JALAN KUBUR, KAMPUNG OLAK LEMPIT	96,100.00	4 MINGGU
JUMLAH		422,810.00	
MUKIM TANJUNG 12 SATU			
1	KERJA-KERJA MENURAP PREMIX DI JALAN KG FATIMAH, KG. SG. MANGGIS, KUALA LANGAT.	20,575.00	4 MINGGU
2	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN LOT 51 TANAH KUBUR, SG. MANGGIS, KUALA LANGAT.	30,925.00	4 MINGGU
3	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA DI LORONG JAYA SEPAKAT 2, KG. JAYA SEPAKAT, KUALA LANGAT	80,265.00	4 MINGGU
4	KERJA-KERJA MENURAP PREMIX DI LORONG SRI RADHAVENDRA, SUNGAI SEDU, KUALA LANGAT	24,850.00	4 MINGGU
5	KERJA-KERJA MENURAP JALAN BAGI LOT 156 KG SG MANGGIS, KUALA LANGAT	25,262.50	4 MINGGU
6	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA DI LORONG HJ SARBINI, SUNGAI LANG BARU, KUALA LANGAT	56,830.00	4 MINGGU
7	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN ORKID KG TELOK DATOK KUALA LANGAT	38,800.00	4 MINGGU
8	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA SAMBUNGAN LORONG CEMPAKA BIRU KAMPUNG SUNGAI LANG TENGAH DAERAH KUALA LANGAT	60,072.00	4 MINGGU
JUMLAH		337,579.50	
MUKIM TELOK PANGLIMA GARANG			
1	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA DI LORONG HJ MUSTAPA, KG SIJANGKANG, KUALA LANGAT.	65,890.00	4 MINGGU
2	KERJA-KERJA MENURAP PREMIX DI LORONG KENANGA KG SIJANGKANG, KUALA LANGAT	60,430.00	4 MINGGU
3	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA DI LOT 171 KG SG RAMBAI KUALA LANGAT	20,000.00	4 MINGGU

4	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN PUSARA TELOK MENGKUANG, KG TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT	27,400.00	4 MINGGU
JUMLAH		173,720.00	
MUKIM BANDAR JUGRA			
1	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA PREMIX DI LORONG MASJID DAN LORONG KUBUR, KAMPUNG PERMATANG PASIR	73,638.00	4 MINGGU
2	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA PREMIX DI LORONG TOSNI, KAMPUNG BANDAR	63,028.00	4 MINGGU
3	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA PREMIX DI LORONG EHSAN DAN LORONG MUFAKAT, KAMPUNG SAWAH.	60,520.00	4 MINGGU
4	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA PREMIX DI JALAN UTAMA KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI JUDAH, PULAU CAREY	54,390.00	4 MINGGU
5	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA PREMIX DI LORONG 3 KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI JUDAH, PULAU CAREY	73,480.00	4 MINGGU
6	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN BAHARUDDIN KG MELAYU, PULAU CAREY.	50,550.00	4 MINGGU
7	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG CHE MAN, KG MELAYU PULAU CAREY, KUALA LANGAT	36,900.00	4 MINGGU
JUMLAH		412,506.00	
MUKIM MORIB / KELANANG			
1	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SUSUR SEKOLAH BERMULA DARI JALAN AMAN HINGGA KE JALAN MASJID KAMPUNG KANCHONG DARAT DAERAH KUALA LANGAT	109,470.00	4 MINGGU
2	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN HAJI ABDUL RASHID, JALAN SUSUR BELAKANG SRA KAMPUNG KANCHONG DARAT DAERAH KUALA LANGAT	47,684.00	4 MINGGU
3	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN MELOR KAMPUNG KANCHONG TENGAH DAERAH KUALA LANGAT	41,109.00	4 MINGGU
4	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN KOPI KAMPUNG KANCHONG TENGAH DAERAH KUALA LANGAT	65,082.00	4 MINGGU
5	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA LORONG PERDANA 1/4 KAMPUNG ENDAH DAERAH KUALA LANGAT	53,232.00	4 MINGGU
6	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA DI LORONG IDAMAN KG SG LANG BARU, TG SEPAT, KUALA LANGAT	56,350.00	4 MINGGU
JUMLAH		372,927.00	
MUKIM BATU			
1	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA LORONG AHMAD KAMPUNG KUNDANG DAERAH KUALA LANGAT	54,630.00	4 MINGGU
2	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA LORONG BALAI RAYA 2 KAMPUNG TANJUNG SEPAT DAERAH KUALA LANGAT	31,482.00	4 MINGGU
3	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN MASJID 8 KAMPUNG TANJUNG SEPAT DAERAH KUALA LANGAT	25,362.00	4 MINGGU
JUMLAH		111,474.00	
JUMLAH KESELURUHAN		1,831,016.50	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PENDAFTARAN E-KASIH

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk bekerjasama dengan pihak ICU bagi memudahkan semakan pendaftaran permohonan E-Kasih di buat di Pejabat Khidmat Masyarakat DUN.

JAWAPAN:

Soalan ini akan dijawab bersekali soalan no.69 dengan soalan daripada:

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (BUKIT LANJAN) – soalan 51;

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (MORIB) – soalan 86;

Y.B. Puan Wong Siew Ki (BALAKONG) – soalan 165; dan

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungip (HULU KELANG) – soalan 248

Tuan Speaker,

Ramai dikalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai Penjajaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dan juga Data eKasih yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri masa kini.

Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah penjenamaan semula Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilaksanakan sejak 10 tahun yang lalu.

Retreat EXCO 2018 pada 13 hingga 16 Ogos 2018 telah memutuskan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk membentangkan keberkesanan dan keperluan penjajaran program IPR dengan mengambil kira perkara seperti berikut :

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan

- iii) Fokus kepada kumpulan sasar yang tepat.

Berdasarkan Ucapan Belanjawan 2019 pada 23 November 2018 telah diumumkan bahawa agenda pelaksanaan program-program IPR akan diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada penerima manfaat IPR di Selangor.

Selain itu, penjajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasar yang tepat.

Merujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 1/2019 melalui cabutan minit yang telah disahkan pada 26 Januari 2019 telah memutuskan bahawa keperluan mengenai penjajaran dan penyusunan semula IPR perlu dimuktamadkan segera mengikut cadangan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Sehubungan itu, UPEN telah menganjurkan Persidangan Pengendali IPR pada 25 hingga 26 Februari 2019 bertempat di Hotel *Best Western, i-City* Shah Alam dengan menghimpunkan sebanyak 43 pengendali IPR Negeri Selangor bagi membincangkan cadangan penjajaran dasar dan program IPR sedia ada dan seterusnya memperkasakan pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri Selangor.

Hasil daripada persidangan tersebut, 43 Program IPR telah dicadangkan untuk dijajarkan kepada 3 kategori utama iaitu seperti berikut:

- i) Diteruskan seperti ada (merangkumi 20 Program IPR);
- ii) Diteruskan Dengan Penjajaran iaitu secara:
 - a) Pindaan dari segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan (merangkumi 14 Program IPR); dan

- b) Kolaborasi dengan program IPR sedia ada (merangkumi 9 Program IPR)

(Rujuk lampiran I untuk butiran lanjut)

Walau bagaimanapun, kesemua cadangan penjajaran program IPR ini akan dibentangkan secara terperinci semasa Retreat Exco yang akan diadakan pada 31 Mac hingga 2 April 2019 bagi mendapatkan keputusan dasar pelaksanaan yang akan dimuktamadkan kelak oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini semua Program IPR masih berjalan seperti biasa dan tidak akan dimansuhkan malah sebaliknya dijajarkan bagi meneruskan pemberian bantuan Kerajaan Negeri secara lebih holistik yang tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada penerima manfaat IPR Selangor.

Bagi pelaksanaan Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan pihak ICU, JPM supaya Sistem eKasih digunakan sebagai satu sumber data asas dalam proses verifikasi penerima bantuan. Selain itu, UPEN juga sedang dalam peringkat perbincangan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk mengenal pasti kesesuaian penggunaan Data Bantuan Sara Hidup (BSH) dalam proses verifikasi penerima pada masa akan datang.

Pada masa kini, pihak Kerajaan Negeri sedang membangunkan Sistem *Smart* IPR yang dicadangkan sebagai *One Stop Center* untuk semua permohonan IPR melalui portal atau aplikasi *mobile* di mana maklumat permohonan untuk semua skim disimpan dalam satu data berpusat dan boleh diakses oleh semua pihak. Sistem *Smart* IPR ini masih dalam proses pembangunan oleh pihak Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan seterusnya akan siap digunakan secara berperingkat mulai Bulan Februari 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : AJARAN SESAT DI NEGERI SELANGOR

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ajaran sesat yang terdapat di Negeri Selangor yang mengancam akidah umat Islam ?

- b) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk membanteras kegiatan ajaran-ajaran sesat tersebut?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Warta Kerajaan Negeri Selangor dari 29 Ogos 1991 sehingga 11 Oktober 2018, fatwa ajaran sesat yang telah diwartakan adalah sebanyak **45 Fatwa** (Fatwa Asal dan Fatwa Pindaan) yang merujuk kepada **37 Kumpulan Ajaran Sesat** di Negeri Selangor. Berdasarkan aduan-aduan yang diterima setakat ini terdapat **15 ajaran yang masih aktif** seperti berikut :

Bil.	Nama Ajaran/Pemikiran/Amalan	Elemen Kesalahan	Tarikh Fatwa	Tarikh Warta
1.	Ajaran Qadiani / Ahmadiyah	10	22.06.1998	24.09.1998
2.	Fahaman Syiah	22	19.01.1998	17.10.2013 (PINDAAN)
3.	Pemikiran Liberalisme Dan Pluralisme Agama	-	06.06.2013	31.07.2014
4.	Hizbut Tahrir	7	04.02.2014	17.09.2015
5.	Ajaran Islam Jamaah	11	19.02.1998	24.09.1998
6.	Ajaran Kumpulan Negara Islam Indonesia (NII)	10	14.10.2009	16.03.2011
7.	Ajaran Millah Abraham	8	20.08.2014	17.09.2015

8.	Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Bin Jonit	12	17.04.1998	24.09.1998
9.	Al-Arqam / Rufaço'	21	12.07.1994	04.02.1993 (Warta) 11.08.1994 (Pindaan) 21.12.2006 (Pindaan)
10.	Persatuan Perguruan Budi Suci Sejati	-	02.11.2010	07.07.2011
11.	Tarekat Naksyabandiyah Kadirun Yahya	8	03.08.1995	14.09.1995
12.	Tarekat Samaniah Ibrahim Bonjol	16	19.01.1998	24.09.1998
13.	Aurad Ismailiah (Mahmud Bin Hj. Abd. Rahman)	12	16.09.1995	23.11.1995
14.	Kumpulan Militan Islamic State (IS)	13	11.08.2015	03.02.2016
15.	Ajaran Ilmu Syahadah, Zikir Nafas Dan Lain-Lain Oleh Ismail Bin Kassim Dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT)	15	21.08.2018	11.10.2018

- b) Pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi Islam di Selangor iaitu:

1. Jabatan Agama Islam Selangor

Sepanjang tahun 2018 hingga Februari 2019 sebanyak 16 aduan diterima berkaitan dengan ajaran sesat. Dari jumlah tersebut sebanyak 12 tangkapan telah dibuat. Selain itu, 8 operasi ajaran sesat juga telah dilaksanakan dalam tempoh tersebut yang melibatkan ajaran salah seperti Syiah dan Millah Abraham.

Bahagian Dakwah melaksanakan program-program intervensi dan advokasi seperti mengadakan seminar, muzakarah dan latihan perkaderan kepada pemegang tauliah dan orang awam. Antara program yang dilaksanakan ialah Seminar Penjelasan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, Seminar Khilafiah 4 Mazhab, & Seminar Menangani Gejala LGBT.

2. Jabatan Mufti Negeri Selangor:

Mengeluarkan fatwa berkaitan ajaran atau fahaman yang menggugat akidah umat Islam seterusnya memperhebat program-program penerangan dan hebahan fatwa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : SUBSIDI BAJA KEPADA PESAWAH

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapa berlaku kelewatan penghantaran baja kepada pesawah
- b) Apa tindakan dari Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini yang pasti berlaku setiap awal tahun
- c) Berapakah jumlah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk program subsidi baja ini

JAWAPAN:

- a) Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengakui wujud kelewatan sedikit bagi penghantaran baja subsidi pada tahun ini disebabkan kementerian perlu menunggu kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan untuk menyambung kontrak Skim Insentif Pengeluaran Padi kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). Kelewatan berlaku selama seminggu dan telah diselesaikan dengan segera.
- b) Kerajaan Negeri melalui penyelarasan bersama Jabatan Pertanian, IADA Barat Laut Selangor dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan memastikan tempahan dan pengagihan bekalan baja subsidi dibuat lebih awal sebelum musim menanam padi bermula.
- c) Di pihak Kerajaan Negeri Selangor, sejumlah RM 2.2 juta peruntukan disalurkan kepada Jabatan Pertanian bagi pembangunan industri padi meliputi pemberian bantuan baja, peralatan serta benih padi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PERJALANAN KE LUAR NEGARA

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kekerapan rombongan perjalanan ke luar negara yang telah di buat oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2018?

- b) Berapakah pula jumlah perbelanjaan yang telah digunakan?

JAWAPAN:

JAWAPAN MASIH BELUM DITERIMA DARIPADA MMKN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : ADN @ AHLI POLITIK DILANTIK ALP GLC

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah Ahli Dewan Negeri (ADN) atau ahli politik yang telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah GLC di Selangor.
- b) Adakah mereka ini dilantik atas keupayaan profesionalnya?

JAWAPAN:

(a) dan (b)

Jumlah Ahli Dewan Negeri (ADN) atau Ahli Politik yang telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah GLC di Selangor dan keupayaan professionalnya adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Syarikat	Kepakaran
1	YAB Tuan Amirudin Bin Shari	<ul style="list-style-type: none">• Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)• Permodalan Negeri Selangor Berhad• Communication Corporation Sdn. Bhd.• Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.• Kumpulan Darul Ehsan Berhad• Invest Selangor Berhad• Yayasan Warisan Anak Selangor• Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd.• Darul Ehsan Investment Group Berhad	Dato' Menteri Besar Selangor
2	YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.	-
3	YB Datuk Dr Hasan bin Bahrom	Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	Pensyarah
4	YB Dato' Teng Chang Khim	Invest Selangor Berhad	Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan,

			Perindustrian dan Perdagangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
5	YB Puan Dr Daroyah binti Alwi	Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Yayasan Hijrah Selangor	Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga
6	YB Dato' Mansor bin Othman	Yayasan Hijrah Selangor	Pernah berkhidmat di TEKUN
7	YB Datuk Abdul Rashid bin Asari	Tourism Selangor Sdn. Bhd.	Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan & Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : TINDAKAN KEPADA PREMIS-PREMIS HIBURAN

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada premis-premis hiburan yang tidak berdaftar dan melakukan operasi yang bertentangan dengan nilai sejahtera seperti bebas minuman keras, aktiviti maksiat dan juga tarian bebas moral?

JAWAPAN:

- a) Tindakan tegas yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui PBT terhadap premis-premis hiburan tidak berdaftar yang menjalankan aktiviti tidak bermoral adalah:-
- i. menyita barang-barang perniagaan pusat hiburan haram tersebut;
 - ii. memohon bantuan TNB & Syabas untuk memotong bekalan air dan elektrik;
 - iii. PBT akan merobohkan struktur dalaman pusat hiburan haram tersebut; dan
 - iv. Tindakan kompoun ke atas pemilik perniagaan atau pemilik premis.

Selain itu, premis berlesen yang melanggar syarat lesen atau yang didapati menyalah gunakan lesen contohnya Pusat Hiburan atau Pusat Hiburan Keluarga akan dibatalkan dan peralatan perniagaan akan disita serta premis akan ditutup. Antara tindakan yang boleh dikenakan terhadap pengusaha di atas kesalahan berkaitan adalah di bawah:-

- i) **Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953;**
- ii) **Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1995 Negeri Selangor;**

Manakala bagi kegiatan maksiat atau pelacuran, bidang kuasa pihak PDRM dan Jabatan Imigresen adalah lebih luas di mana pengusaha boleh dikenakan tindakan di bawah **Akta Anti Pamerdagangan Orang**. Manakala premis pusat kecantikan dan kesihatan yang melanggar syarat boleh dikenakan tindakan di bawah **Seksyen 3 Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan 2007 dan Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PELAJAR KUIS

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kemasukan pelajar ke KUIS dari 2016-2018 mengikut kursus?
- b) Nyatakan jumlah graduan KUIS yang berjaya mencapai tahap yang tertinggi mengikut kursus dari 2016-2018?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah jumlah kemasukan keseluruhan pelajar KUIS dari tahun 2016-2018.

TAHUN	JUMLAH KEMASUKAN PELAJAR BAHARU KUIS	JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR KUIS
2016	3454	9,935
2017	3311	10,881
2018	2773	10,650

Berikut adalah jumlah kemasukan keseluruhan pelajar KUIS dari tahun 2016-2018 mengikut Fakulti/Pusat.

BIL	FAKULTI/PUSAT/TAHUN	2016	2017	2018
1	Pusat Matrikulasi	707	622	566
2	Fakulti Pengurusan Muamalah	936	885	668
3	Fakulti Syariah & Undang-Undang	380	428	397
4	Fakulti Pengajian Peradaban Islam	886	770	694
5	Fakulti Sains & Teknologi Maklumat	189	222	161
6	Fakulti Pendidikan	356	384	287
Jumlah Keseluruhan		3454	3311	2773

Bagi statistik kemasukan pelajar KUIS dari tahun 2016-2018 mengikut kursus. (Mohon Rujuk Lampiran A).

b) Jumlah graduan KUIS dari tahun 2016-2018 adalah seperti berikut:

FAKULTI	2016	2017	2018	JUMLAH
FAKULTI PENGURUSAN MUAMALAH (FPM)	262	499	396	1157
FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)	436	530	491	1457
FAKULTI SYARIAH UNDANG-UNDANG (FSU)	NIL	423	349	772
FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI MAKLUMAT (FSTM)	106	130	91	327
FAKULTI PENDIDIKAN (FP)	202	252	207	661
JUMLAH KESELURUHAN GRADUAN KUIS 2016-2018	1006	1834	1534	4374

Jumlah graduan KUIS yang berjaya mencapai tahap yang tertinggi mengikut kursus dari 2016-2018 adalah seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH GRADUAN MENCAPAI TAHAP TERTINGGI	JUMLAH GRADUAN KUIS	PERATUS GRADUAN MENCAPAI TAHAP TERTINGGI
2016	69	1006	6.86%
2017	124	1834	6.76%
2018	104	1534	6.91%

Jumlah graduan KUIS yang berjaya mencapai tahap yang tertinggi mengikut kursus dari tahun 2016-2018. **(Mohon Rujuk Lampiran B)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENGKALAN JETI

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan pengkalan jeti yang telah dan belum melalui proses pemutihan?
- b) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk memutihkan semua pengkalan jeti haram ini?

JAWAPAN:

- a) Hanya 86 buah jeti di Bagan Sekinchan yang telah melalui proses pemutihan berbanding 969 buah jeti yang dibanci di seluruh Negeri Selangor sepanjang tahun 2016.
- b) Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Pelan Tindakan Pengurusan Jeti Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh MMKN Bil. 20/2015 di mana penyelesaian isu jeti dibuat berdasarkan strategi yang merangkumi isu penggunaan tanah, pemilikan jeti, had bilangan nelayan dan bot serta infrastruktur jeti di tapak.

Taklimat berkenaan Pelan Tindakan Pengurusan Jeti ini telah diadakan di setiap daerah dan bancian bersama-sama wakil nelayan setiap kawasan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016.

Bengkel Penyelesaian dan Pengurusan Jeti Bagi Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor telah diadakan pada 20 Julai 2017 dan Bengkel Penyelesaian dan Pengurusan Jeti Bagi Daerah Klang, Kuala Langat dan Sepang diadakan pada 27 September 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PEMAKANAN SIHAT DI DALAM SEKOLAH

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Makanan sihat amat penting bagi memastikan kesihatan kanak-kanak dan anak muda. Apakah terdapat sebarang inisiatif oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan pemakanan yang lebih sihat (contoh: Senarai jenis makanan untuk pegerai kantin) dapat dilaksanakan dalam sekolah-sekolah di bawah Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Semua sekolah di Selangor telah diberi surat siaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia KPM600-14/1/56Jld3[32] yang bertarikh 15 Mac 2017 yang bertajuk "Larangan Penjualan Makanan dan Minuman yang tidak digalakkan penjualannya di kantin sekolah", Senarai makanan dan minuman yang dilarang dijual di kantin sekolah dan cadangan senarai makanan dan minuman yang boleh dijual di kantin sekolah seperti di lampiran.

4.5 SENARAI MAKANAN DAN MINUMAN YANG DILARANG DIJUAL DI KANTIN SEKOLAH.

- 4.5.1 Makanan dan minuman yang melanggar Peraturan – Peraturan Makanan 1985 seperti:
- Makanan yang melampaui tarikh luput.
 - Semua jenis makanan yang berupa permainan atau dijual bersama permainan seperti cincin, gambar, belon dan lain-lain.
- 4.5.2 Makanan diproses seperti kentang goreng (*french fries*)/ daging *burger*/ sosej/ bebola (ikan/ ayam/ daging & *makanan laut*)/ *nugget*/ kek ikan/ *sate ikan (lok cheng)* termasuk sebarang penyediaan makanan yang mengandungi produk di atas
- 4.5.3 Makanan ringan (*unhealthy snacks/ junk food*) seperti *extruded snacks* (seperti *potato chips, prawn chips, crackers*), keropok berperisa (seperti keropok berperisa udang, sotong), kerepek, muruku.
- 4.5.4 Gula-gula dan coklat
- 4.5.5 Jenis-jenis makanan yang telah dijeruk sama ada masam, masin atau manis, basah atau kering seperti asam masin, jeruk mangga, kulit limau dan jeruk bawang dan lain-lain makanan yang dijeruk.
- 4.5.6 Semua jenis donut/ kek/ muffin/ *cup cake*/ wafel/ pastrri yang berkrim/ bersalut/ berinti manis/ bergula.
- 4.5.7 Produk-produk mi/ bihun/ ramen/ kuetiau/ bubur nasi/ sup SEGERA dan lain-lain beserta perencah.
- 4.5.8 Produk konfeksi ais dan ais krim.
- 4.5.9 Minuman yang dibancuh atau di tambah (*topping*) menggunakan kordial/ *Syrup* berperisa/ krimier/ manisan/ serbuk 3 dalam 1/ serbuk manisan/ *whipping cream*.
- 4.5.10 Minuman tenaga/ isotonik/ botani (herba)/ berperisa/ berkarbonat/ buah (yang hanya mengandungi $\leq 5\%$ berat bagi isipadu jus buah).
- 4.5.11 Teh dan kopi (larangan penjualan dan penyediaan hanya di guna pakai kepada murid dan pelajar sahaja)
- 4.5.12 Makanan dan minuman yang beralkohol

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : SUMBANGAN GLC UNTUK PROGRAM CSR KERAJAAN NEGERI

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah sumbangan GLC di atas keuntungannya pada tahun 2018 untuk program-program 'Corporate Social Responsibility (CSR) dan Kerajaan Negeri?
- b) Nyatakan penyumbang-penyumbang GLC dan penggunaannya.

JAWAPAN:

- a) Jumlah sumbangan kepada Kerajaan Negeri dan CSR dari Kumpulan MBI pada tahun 2018 adalah RM60,020,167 seperti butiran berikut :

Bil	Nama GLC	Sumbangan & CSR (RM)
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(MBI)	52,429,561
2	SRM Setia Sdn Bhd (SRM)	182,574
3	KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBW)	1,153,306
4	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd (DEFM)	52,270
5	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	620,274
6	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	3,426,597
7	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	2,155,585
	Jumlah	60,020,167

- b) Senarai penyumbang-penyumbang GLC dan penggunaannya adalah seperti berikut:

Nama GLC : Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)

Bil	Butiran	Jumlah (RM)	
1	Program Kerajaan Negeri		
	Sumbangan Haji	1,336,276	

	Sumbangan sambutan perayaan	1,123,868	
	Billboard	170,274	
	Sumbangan perbelanjaan operasi IDE	2,000,000	
	Program Jom Balik Sekolah	1,776,950	
	Sumbangan Wifi Selangorku	13,953,084	
	Program Komunikasi Penyaluran Dasar Maklumat Kerajaan (CCSB)	5,000,000	
	Penstrukturan semula Kumpulan MBI	236,460	
	Program MB	785,000	
	Program ziarah medik	30,000	
	Sumbangan Early Intervention Program	1,245,428	
	Sumbangan Program Smart Creative	719,531	
	Sumbangan INPEN	130,000	
	Sumbangan Yayasan Selangor, UNISEL, Pesta Buku dll	330,622	
	Sumbangan bantuan kewangan subsidiary	5,093,510	
	Sumbangan Piala Sultan Selangor	50,000	
	Sumbangan Woman Basketball League	100,000	
	Sumbangan Piala YAB Amirudin	50,000	
	Sumbangan akhir Piala FA	250,000	
	Program kebajikan dan sukan jabatan dll	163,000	
	Selangor Champions League, Industrial Ride, Futball Fanatix, Rugby dll	206,250	
	Organisasi/Pertubuhan berdaftar	214,140	
	Jumlah Sumbangan kepada Program Kerajaan Negeri		34,964,393
2	Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)		

	Sumbangan pembaikan infra - sek, tahfiz dll	884,541	
	Pembangunan Sosial	106,620	
	Sumbangan kepada Masjid / Surau	12,938,937	
	Sumbangan kepada Asnaf	1,772,500	
	Lain-lain sumbangan termasuk bantuan banjir	1,171,816	
	Sumbangan Pinggiran Batu caves	472,754	
	Lawatan MB ke Mesir	118,000	
	Jumlah Sumbangan CSR		17,465,168
	Jumlah Keseluruhan		52,429,561

Nama GLC : SRM Setia Sdn Bhd

Bil	Program	Jumlah (RM)
1.	Program Projek Prihatin – Active Fast Center	30,000
2.	Program Jelajah ke Sekolah	8,504
3.	Sumbangan Sambutan Ramadhan kepada surau-surau dan madrasah di Negeri Selangor	47,500
4.	Majlis Hi tea untuk Penerima KISS bersama Datin Seri Shamsida binti Tahirin	10,000
5.	Program Sambutan Tahun Baru Cina	20,000
6.	Sumbangan untuk menyelenggara Aplikasi Pelancongan “Sekinchan Travel Apps”	20,000
7.	Sumbangan “Majlis Gala Seribu Bintang bagi Sekolah Kebangsaan Selayang Jaya”	3,000
8.	Sumbangan set kelengkapan ruang solat Jemaah Muslimah utk Masjid Talhah bin ‘Ubaidillah	43,570
	Jumlah	182,574

Nama GLC : KDEB Waste Management Sdn Bhd

Bil	Program	Jumlah (RM)
1.	Contribution of Leach Bin & MGB to Selangor PBT	861,690
2.	Sponsorship for Sultan Selangor Cup 2018	88,888
3.	Donation to PBTs for sport tournament	91,300
4.	Sponsorship "Selangor Smart City Convention"	32,000
5.	Sponsorship for football Piala MB 2018	19,240
6.	Donation for back to school programme	15,500
7.	Others	44,688
	Jumlah	1,153,306

Nama GLC : Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd

Bil	Program	Jumlah (RM)
1.	Pembelian penghawa dingin (2 unit) untuk surau Al - Anzor, Pangsapuri Kenanga Batu Caves.	4,000
2.	Kos membaiki lif di Pangsapuri Permai - Gombak Permai, Batu Caves	31,270
3.	Sumbangan alat penghawa dingin kepada surau Kampung Boyan Wira Damai (4 unit)	8,000
4.	Sumbangan bagi Kejohanan Golf Integrasi Kelab Pegawai Tadbir & Diplomatik Selangor Darul Ehsan (KPTDSE) bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tahun 2018	5,000
5.	Sumbangan bagi Program Kejohanan Merentas Desa Piala Ketua Polis Selangor 2018	1,000
6.	Sumbangan bagi Program Anti Dadah bagi Pemadam Negeri Selangor Bagi Tahun 2018	3,000
	Jumlah	52,270

Nama GLC : Kumpulan Darul Ehsan Berhad

Bil	Program	Jumlah (RM)
1.	Sumbangan Aidil Adha	450,000
2.	Pemasangan Gantry Billiboard	170,274
	Jumlah	620,274

Nama GLC : Permodalan Negeri Selangor Berhad

Bil	Program	Jumlah (RM)
1.	Sumbangan Pembinaan Ruang Tambahan Surau Al Shuhadak, Taman Kandis Permai Klang, Selangor	15,000
2.	Sumbangan CSR bagi bantuan kewangan bagi anak kurang upaya (OKU - Down Syndrome dan Buta) anak kepada Encik Chang Jee	2,000
3.	Sumbangan untuk penajaan program jalinan ukhwah bersama anak yatim Annabawi di Kg Kupang Badak Air Hangat, Langkawi Siri II anjuran Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	2,000
4.	Sumbangan untuk menganjurkan program-program kekeluargaan komuniti di kawasan Bandar Tun Razak, Cheras.	50,000
5.	Sumbangan bagi menjayakan Hari Keluarga Jabatan Mufti Negeri Selangor 2018	3,000
6.	Sumbangan bagi menampung kos baik pulih dan menaiktaraf kemudahan di Surau Qan-Nubuwwah, Taman Teluk Gedung Indah, Pelabuhan Klang	2,000
7.	Sumbangan untuk menyertai program larian amal " Mahabbah Walk 2018' anjuran ayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	500
8.	Sumbangan untuk pembinaan pusat aktiviti warga emas di bekas tapak Restoran Millenium Curry House, Taman Nirwana Ampang	10,000

9.	Sumbangan sempena Hari Keluarga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018.	25,000
10.	Sumbangan penajaan bagi sambutan perayaan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor 2018.	50,000
11.	Sumbangan Bagi Kerja-Kerja Membaikpulih Kerosakan Surau Haji Abbas Kampung Delek, Klang	2,000
12.	Sumbangan Tabung Bantuan Pembangunan untuk Ma'ahad Tahfiz Al - Falahiyah	3,000
13.	Sumbangan bagi kejohanan sukan tahunan SK TTDI Jaya SKK	8,000
14.	Sumbangan bagi kejohanan Golf Integrasi Kelab Pegawai Tadbir & Diplomatik Selangor Darul Ehsan	20,000
15.	Sumbangan bantuan pendidikan bagi Anak Keluarga Miskin Cermerlang bukan islam Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Di Dun Permatang.	2,600
16.	Sumbangan penganjuran program Ihya Ramadan 1439H/2018M di Musolla Al Husna Bangunan Darul Ehsan Kelolaan Menteri Besar Selangor (Perbadanan) MBI	30,300
17.	Bayaran permohonan Dana bagi Penambahan Ruang Limbah Solat Surau At-Taqwa Bukit Bandaraya Shah Alam	5,000
18.	Bayaran sumbangan Umum & Program Ihya Ramadan Bagi Tahun 2018 di Masjid Bandar Baru Sg. Buloh (MBBSB).	2,000
19.	Sumbangan kewangan bagi Program Kelas Harapan 2018 untuk Pelajar miskin.	3,800
20.	Sumbangan Program Moreh Ramadan untuk Surau Taman Alam Perdana	1,000
21.	Sumbangan bagi kos baik pulih tangki air di Pangsapuri Cempaka, Taman Wira Permai	48,700
22.	Sumbangan penajaan bagi menjayakan program "Earthquake engineering student' UTM	10,000

23.	Sumbangan Dana kumpulan Nurul Jannah Persatuan Komuniti Seksyen 23 Shah Alam.	3,000
24.	Sumbangan majlis berbuka puasa bersama LPHS	4,000
25.	Penajaan bagi program kayuhan Amal 2018 anjuran sambutan Hari Kemerdekaan yang ke 61 oleh RTM.	10,000
26.	Jemputan kakitangan untuk menyertai program kayuhan Selangor Insustrial Ride 2018 anjuran SSIC Berhad	160
27.	Sumbangan majlis kesyukuran dan rumah terbuka Hari Raya YAB Dato' Menteri Besar Selangor.	10,000
28.	Sumbangan bagi program kebajikan 'Hope for the Future' anjuran Yayasan Chow Kit.	8,040
29.	Sumbangan pertandingan Terbuka memancing ikan air tawar Majlis Daerah Sabak Bernam 2018	1,000
30.	Sumbangan sempena hari Keluarga PDT Sepang 2018 bagi pertandingan Futsal Daerah Sepang dan Majlis Korban Perdana PDT Sepang.	2,000
31.	Sumbangan Kejohanan Golf Amal MPK - MBI 2018	4,000
32.	Sumbangan kewangan bagi menampung perbelanjaan pasukan Kinrara Red Eagles menyertai kejohanan Ragbi KGVIS 2018 Peringkat Kebangsaan	2,000
33.	Penajaan voucher bagi penganjuran perlawanan golf jemputan kelab golf Perhutanan Malaysia.	15,000
34.	Tajaan bagi cadangan pemasangan gantry Billboard untuk promosi Negeri Selangor di KM 5.4 LLM, Lebuhraya KLIA.	170,274
35.	Perbelanjaan operasi Rumah Puteri Arafiah bagi tahun 2018	950,000
36.	Sumbangan penganjuran Pesta Sukan JPPH bagi tahun 2018	2,000
37.	Cadangan bagi penghantaran pertandingan Bola Sepak The Sultan of Selangor CUP 2018'	100,000
38.	Sumbangan peruntukan perbelanjaan Kelab Bolasepak PNSB bagi tahun 2017/2018.	265,290

39.	Sumbangan perlawanan Golf jemputan antara KPGM dengan agensi-agensi Kerajaan	2,100
40.	Sumbangan KESDAT (Kelab Kebajikan dan Sukan Daerah Klang Utara) bagi tahun 2018	2,000
41.	Sumbangan Sukan Malaysia (SUKMA) di Ipoh 2018	5,600
42.	Sumbangan Kejohanan Bolasepak Piala Raja Muda sebagai penaja utama Piala Dato' Mokhtar Dahari	70,000
43.	Sumbangan kelengkapan barangan sukan bagi pasukan olahraga SUKMA di Perak 2018.	7,682
44.	Tajaan pasukan Bolasepak Pejabat SUK bagi temasya sukan SUK Se-Malaysia Tahun 2018	14,031
45.	Sumbangan bagi pasukan ragbi U14 & U16 Shah Alam Junior Champion November 2018	1,000
46.	Sumbangan kepada pejabat Atase Pendidikan (Selangor), Kedutaan Besar Malaysia Keherah, Mesir sempena lawatan YAB Dato' Menteri Besar Selangor ke Maghribi, Jordan dan Mesir bagi menghadiri perjumpaan pelajar-pelajar.	50,000
47.	Sumbangan bagi majlis perpisahan YAB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor.	4,000
48.	Sumbangan kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) KE-19 tahun 2018	6,435
49.	Sumbangan Kejohanan Golf Amal Yayasan Islam Darul Ehsan (KGA-YIDE 2018)	10,000
50.	Hari Raya Aidil Adha Program 2018	900,000
51.	Sumbangan sempena aktiviti Kelab Sukan dan Kebajikan Pejabat Daerah Tanah Gombak	5,085
52.	Sumbangan larian komuniti Klang	1,000
53.	Tajaan kejohanan Golf Amal MB Selangor	5,000
54.	Sumbangan Tabung Pendidikan KUIS bagi tahun 2018	500,000
	Jumlah	3,426,597

Nama GLC : Kumpulan Semesta Sdn Bhd

Bil	Program	Jumlah (RM)
1.	Sumbangan Program Kerajaan Negeri	1,694,005
2.	Sumbangan Derma (CSR)	461,580
	Jumlah	2,155,585

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : MEKANISME KAWALAN HAIWAN ANJING LIAR DAN KUCING
TERBIAR**

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme program kawalan haiwan anjing liar dan kucing terbiar melalui peruntukan yang diumumkan melalui Belanjawan 2019?

JAWAPAN:

- a) Melalui Belanjawan 2019, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor telah bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi Program Kawalan Haiwan. Objektif utama program tersebut adalah untuk memelihara keselamatan dan keharmonian kawasan setempat daripada gangguan haiwan khususnya yang melibatkan anjing liar dan kucing terbiar. Oleh itu, peruntukan tersebut akan disalurkan kepada PBT Negeri Selangor untuk merancang dan melaksanakan program-program yang boleh mengawal pertumbuhan populasi haiwan-haiwan tersebut seperti menaik taraf Pusat Tahanan Haiwan Sementara, perolehan peralatan keselamatan, program kemasyarakatan dan lain-lain program yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : HUB PERTANIAN

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadikan kawasan DUN Sungai Air Tawar sebagai hub pengeluaran produk pertanian Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Terdapat perancangan untuk menjadikan Sungai Air Tawar sebagai hub pengeluaran produk pertanian Negeri Selangor dengan memodenkan sektor pertanian dan meningkatkan produktiviti industri asas tani sokongan dan hiliran melalui Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam 2025.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang telah digunakan bawah skim ceria mengikut kawasan DUN?
- b) Apakah rancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah infrastruktur rumah kos rendah? Terutamanya yang tanpa penubuhan JMB.
- c) Adakah kerajaan boleh mengambil alih penyelenggaraan lampu jalan dan pembersihan di kawasan luar bangunan?

JAWAPAN:

- a) Sejumlah RM97,816,388.14 telah digunakan di bawah Skim CERIA bermula tahun 2011 sehingga tahun 2018. Rekod peruntukan yang telah digunakan bagi Skim CERIA mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut:

BIL.	PBT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PROJEK
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	8,154,982.31	37
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	28,085,772.87	60
3	Majlis Perbandaran Klang	9,919,916.09	24
4	Majlis Perbandaran Subang Jaya	10,140,131.57	40
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	18,061,062.59	51

BIL.	PBT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PROJEK
6	Majlis Perbandaran Kajang	8,560,989.77	39
7	Majlis Perbandaran Selayang	6,787,606.23	29
8	Majlis Perbandaran Sepang	5,790,998.10	11
9	Majlis Daerah Hulu Selangor	427,331.70	2
10	Majlis Daerah Kuala Selangor	1,144,680.60	2
11	Majlis Daerah Kuala Langat	742,916.31	6
JUMLAH		97,816,388.14	301

NOTA

LPHS tidak mempunyai rekod CERIA berdasarkan kawasan DUN.

- b) Pada pandangan Kerajaan Negeri tindakan penyelesaian mewujudkan pihak pengurusan pangsapuri hendaklah dilaksanakan terlebih dahulu dengan melantik jawatankuasa badan pengurusan bersama (JMB) atau perbadanan pengurusan (MC) di kalangan pemilik pangsapuri terlibat. Sekiranya pemilik pangsapuri masih enggan menjadi jawatankuasa, pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) boleh melantik ejen pengurusan untuk menguruskan pangsapuri selaras dengan Seksyen 86, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri turut menerima input daripada COB Bangunan kesukaran untuk melantik ejen pengurusan bagi kawasan terbabit. Oleh itu, sebagai insentif kepada ejen pengurusan yang bersedia menguruskan pangsapuri kos rendah yang bermasalah ini, pada tahun 2019 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM400,000.00 di bawah program *Squad* Pemberdayaan Komuniti (K-Squad) bagi membiayai 50% fi ejen pengurusan berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh Jadual 7, Akta Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah 1981 [Akta 242] bagi tempoh 6 bulan sahaja. Manakala, bagi pembiayaan fi ejen pengurusan untuk tempoh 6 bulan selanjutnya akan dibiayai melalui hasil kutipan caj penyenggaraan daripada pemilik.

Justifikasi tindakan penyelesaian mewujudkan pihak pengurusan pangsapuri hendaklah dilaksanakan terlebih dahulu sebelum bantuan menyelesaikan

infrastruktur pangsapuri kos rendah diberikan adalah bagi memastikan bantuan tersebut dinikmati dan dijaga baik oleh penduduk di bawah seliaan JMB, MC atau ejen pengurusan yang dilantik oleh COB.

- c) Berdasarkan rekod daripada COB, PBT Kerajaan Negeri mendapati pengambilalihan penyenggaraan lampu jalan dan pembersihan di kawasan luar bangunan akan melibatkan implikasi kewangan setahun sejumlah RM179,695,112.88. Pengambilalihan ini juga memberi implikasi kepada aspek perundangan kerana perlu mengambil kira lot sempadan pemilikan tanah antara pihak berkuasa tempatan dan pihak pengurusan pangsapuri (pemaju/JMB/MC/ejen pengurusan yang dilantik COB). Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu membuat kajian yang terperinci sebelum bersedia untuk mengambilalih penyenggaraan lampu jalan dan pembersihan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT SELANGOR

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kos rawatan yang telah bayar kepada klinik swasta di bawah Skim Peduli Sihat Selangor.
- b) Nyatakan jumlah keluarga dan individu yang berdaftar dengan Skim Peduli Sihat Selangor.
- c) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat semak semula kelayakan penerima Skim Peduli Sihat Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kos rawatan yang telah dibayar kepada klinik panel di bawah Skim Peduli Sihat sejak ianya dilancarkan adalah 2017 adalah berjumlah RM64,480,890.42. Pecahan perbelanjaan kos rawatan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	KOS PERBELANJAAN
2017	RM11,336,002.55
2018	RM42,151,842.81
2019 (Sehingga 28 Februari)	RM10,993,045.06
JUMLAH	RM64,480,890.42

- b) Jumlah pendaftaran di bawah Skim Peduli Sihat adalah sebanyak 383,160 kad dan pecahan bagi kategori keluarga dan individu adalah seperti berikut :

JENIS PELAN	JUMLAH	%
INDIVIDU	227058	59.26
KELUARGA	156102	40.74

- c) Kerajaan Negeri dalam perancangan untuk mengemaskini penerima Skim Peduli Sihat pada tahun ini memandangkan ianya belum pernah dikemaskini sejak tahun 2017.